

TEKS UCAPAN  
HARI MUZIUM ANTARABANGSA (HMA)  
OLEH  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**  
18 MEI 2020

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Assalamualaikum Warahmahtulahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,**

**Saudari/Saudara yang saya hormati.**

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjangkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana pada hari ini, 18 Mei 2020, kita dapat bertemu secara maya sempena Hari Muzium Antarabangsa 2020. Bagi saya, pertemuan ini cukup penting kerana hari ini adalah hari untuk kita meraikan muzium, satu institusi utama yang menyimpan, mengekal dan memelihara khazanah sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara.

Untuk itu, saya mengambil ruang dan kesempatan ini untuk mengucapkan "*Happy International Museum Day 2020*", "Selamat Menyambut Hari Muzium Antarabangsa 2020" kepada semua khususnya para penggiat industri muzium tanah air yang dianggarkan berjumlah 7,000 – 8,000 orang. Saya difahamkan terdapat hampir 240 buah muzium di seluruh negara, dengan penggiat muzium daripada 22

buah muzium Persekutuan berada di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia atau ringkasnya JMM.

JMM adalah salah satu jabatan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Kedudukan itu membuktikan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan muzium dalam menyumbang kepada sektor pelancongan. Muzium dan aktiviti yang dijalankan adalah satu produk pelancongan yang bernilai tinggi dan mampu menarik kedatangan pelancong dalam dan luar negara.

Oleh itu, pihak kementerian sentiasa memberi galakan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap setiap program yang dilaksanakan. Ia termasuklah sambutan perayaan Hari Muzium Antarabangsa seperti yang disambut di seluruh dunia pada hari ini. Tahun lepas, ia diraikan oleh lebih 37,000 buah muzium dari lebih 158 buah negara.

Di Malaysia, muzium-muzium di bawah JMM dan kebanyakan muzium yang lain menawarkan kemasukan percuma kepada orang ramai pada tarikh ini. Dan bermula tahun 1997, acara sambutan turut diatur di peringkat kebangsaan, bukan sahaja untuk muzium-muzium di bawah JMM tetapi juga muzium-muzium lain di seluruh negara yang mengambil bahagian khususnya yang berada di bawah Persatuan Muzium Malaysia. Alhamdulillah, saya melihat kerjasama antara muzium dan semangat kebersamaan yang ditonjolkan ini, sangat penting ke arah memartabatkan institusi permuziuman negara. Mudah-mudahan ia

dapat menjadi platform terbaik bagi merencana masa depan institusi permuziuman negara yang lebih komprehensif dan berdaya saing.

### **Saudari dan Saudara yang dikasihi sekalian.**

Penganjuran sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan tahun ini sepatutnya diadakan di Pulau Pinang. Bagaimanapun, ia terpaksa dibatalkan sebagai mematuhi arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ekoran wabak Covid-19 yang tidak membenarkan sebarang aktiviti atau program melibatkan *mass gathering* diadakan. Namun, ianya tidak menghalang kita dari meneruskan sambutan ini secara atas talian.

### **Saudari dan Saudara yang dikasihi sekalian.**

Kita tidak dapat menafikan bahawa penularan wabak Covid-19 ini telah meletakkan kita semua berada dalam satu situasi yang sukar. Malah, sepertimana saudara dan saudara sedia maklum, muzium masih terus ditutup sehingga ke hari ini. Ini bukan hanya berlaku di negara kita, malah hampir semua muzium di seluruh dunia tidak dapat meneruskan operasi mereka sebagaimana biasa. Banyak program terpaksa ditunda dan dibatalkan.

Meskipun demikian di sebalik kesukaran ini, saya amat gembira melihat bagaimana muzium-muzium mengambil inisiatif memanfaatkan teknologi dengan melaksanakan pelbagai aktiviti secara atas talian. Tahniyah kepada semua, kerana telah mempergiatkan aktiviti atas talian sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa lagi.

Pendekatan ini juga membuktikan komitmen tenaga kerja muzium dalam memastikan semua muzium di negara ini terus berhubung dan berinteraksi dengan orang ramai meskipun muzium kita terpaksa ditutup. Inovasi dan kreativiti adalah penting untuk muzium terus relevan dalam lanskap kebiasaan baharu. Insha Allah, teruslah berharap dan berdoa agar wabak Covid-19 ini akan berjaya dibendung sepenuhnya.

Pada 4 Mei lalu, Kerajaan telah membuka semula ekonomi negara secara berperingkat dengan membenarkan industri dan aktiviti perniagaan beroperasi mengikut Garis Panduan (SOP) yang telah ditetapkan. Insha Allah, muzium boleh mula beroperasi seperti biasa apabila tiba masanya nanti. Ketika ini, *International Council of Museums* atau ICOM telah pun menyediakan tatacara untuk semua muzium kembali beroperasi dan menerima pelawat dengan memberi penekanan kepada aspek keselamatan bila mana keadaan benar-benar pulih seperti sediakala.

### **Saudari dan Saudara yang dikasihi sekalian.**

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa kali ini mengangkat tema "*Museums for Equality: Diversity and Inclusion*" atau "**Muzium untuk Kesaksamaan: Kepelbagaian dan Keterangkuman**". Tema ini adalah manifestasi kepada sumbangan muzium dalam memastikan kesaksamaan yang berasaskan kepada kepelbagaian dan keterangkuman. Muzium perlu melibatkan setiap segmen dalam masyarakat dan tidak ada sesiapa yang boleh dipinggirkan dari terlibat dalam aktiviti pemuziuman. (no one is left behind). Prinsip ini hendaklah menjadi teras perjalanan muzium di masa depan.

Muzium mesti meraikan kepelbagaian perspektif yang membentuk komuniti kita. Tidak dinafikan, muzium sejak sekian lama telah melaksanakan tanggungjawab ini menerusi setiap program sama ada pameran, pendidikan, penyelidikan mahupun penerbitan. Namun usaha ini perlu digerakkan secara komited, bersepadu dan konsisten dalam memastikan matlamat pembangunan negara tercapai, terutamanya dalam membina Malaysia yang aman dan sejahtera. Melalui kepelbagaian khazanah sejarah, seni, budaya dan adat resam yang melangkaui identiti kaum, budaya dan adat resam, muzium mampu mewujudkan pemahaman dan apresiasi terhadap setiap kaum/etnik di negara ini.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memberikan komitmen dalam menyokong pembangunan dan pemerksaan institusi pemuziuman di negara ini. Semoga muzium terus kekal relevan bukan sahaja demi kelestarian sejarah, budaya dan warisan alam semulajadi tetapi juga untuk kesejahteraan dan keharmonian masyarakat seluruhnya.

*"Happy International Museum Day 2020".*

"Selamat Menyambut Hari Muzium Antarabangsa 2020".

**Sekian, Wabillahitaufikwalhidayah wassalammualaikum wbt.**